

Pengaplikasian “Easy Ikhfi Trivia” Dalam Membantu Murid Tahun 3 Menguasai Hukum Ikhfa’ Hakiki

Muhammad Izdiyad Bin Mohd Rodzi, Rusliza Binti Othman, Dr. Hj. Salehudin Bin Sabar & Abang Mohammad Ikram Bin Abang Hashim

Abstract – *Isu yang timbul semasa pemerhatian awal pengkaji ialah murid tahun tiga di sebuah sekolah di kawasan Kuching, Sarawak masih tidak menguasai hukum Ikhfa’ Hakiki dalam Hukum Nun Sakinah dan Tanwin. Murid masih keliru terhadap pengertian, hukum bacaan, bilangan huruf dan contoh bacaan Ikhfa’ Hakiki dengan betul. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membantu murid tahun tiga menguasai hukum Ikhfa’ Hakiki dengan mudah menerusi penggunaan bahan “Easy Ikhfi Trivia”. Kajian ini bertujuan untuk membantu murid memahami dan menguasai hukum Ikhfa’ Hakiki serta meningkat minat serta motivasi mereka terhadap proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) melalui penggunaan bahan inovasi “Easy Ikhfi Trivia”. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid lelaki daripada kelas Tahun 3 Inovasi yang masih lemah dalam pengetahuan ilmu tajwid. Kaedah kualitatif diimplementasikan dalam kajian ini menerusi analisis berdasarkan triangulasi kaedah antara analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian memaparkan keberkesanan pengaplikasian bahan inovasi “Easy Ikhfi Trivia” dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan murid serta menarik minat mereka untuk mempelajari pengertian, hukum bacaan, bilangan huruf dan contoh bacaan Ikhfa’ Hakiki dengan betul. Kajian ini turut memberikan impak positif terhadap peserta kajian di samping menambah baik kualiti amalan pedagogi PdPc pengkaji sebagai Guru Pendidikan Islam.*

Keywords – *Bidang tajwid al-Quran, Guru Pendidikan Islam, Hukum Nun Sakinah, Hukum Ikhfa’ Hakiki, PdPc, bahan inovasi “Easy Ikhfi Trivia”, Murid Tahun 3 Inovasi*

I. PENGENALAN

Setiap murid dapat membaca al-Quran dengan betul dan tepat serta menyerlahkan lagi kemujizatan al-Quran melalui pembelajaran ilmu tajwid di sekolah rendah. Kaedah ini sangat relevan terhadap murid kerana fitrahnya yang bersih dan bersedia menerima sesuatu perubahan baharu. Pembelajaran tajwid perlu dipergiatkan sejak daripada akar umbi lagi bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungunya kerana minda dan fikiran kanak-kanak bersih daripada sebarang kekotoran (M. Nawi, M. Z., et.al, 2021).

Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan tujuh bidang

Abang Mohammad Ikram Bin Abang Hashim, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang 93200 Kuching, Sarawak, Malaysia (Email address: abangekram@gmail.com).
Muhammad Izdiyad Mohd Rodzi, (Email address: izdiyad20-420@epembelajaran.edu.my).
Rusliza Othman, (Email address: 14-20 rusliza@epembelajaran.edu.my).
Salehudin Bin Sabar, (Email address: salehuddin20-76@epembelajaran.edu.my).

termasuk bidang tajwid dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam bagisetiap tahun. Hal ini bertujuan untuk memastikan penguasaan murid terhadap ilmu tajwid dapat diterapkan seawal mungkin. Hukum tidak membaca al-Quran dengan bertajwid adalah berdosa serta dilaknat sesiapa yang membaca al-Quran tanpa memelihara hukum tajwid. Malah Allah S.W.T. juga sudah mengingatkan supaya umat manusia untuk membaca al-Quran secara tartil dan melarang untuk tergesa-gesa dalam pembacaannya. Firman Allah S.W.T:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (١٦)
إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ (١٧)

Maksudnya: “Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al-Quran karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya”.

(Surah al-Qiyamah: 16 & 17)

II. PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji telah meneliti tahap pencapaian murid dalam pengetahuan bidang tajwid bagi murid tahun tiga semasa menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Istana (bukan nama sebenar), Kuching, Sarawak. Semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah, pengkaji acap kali menerapkan kaedah talaqqi musyafahah dan kaedah tasmik untuk membantu murid menguasai ilmu tajwid. Kaedah talaqqi musyafahah adalah pertemuan bersemuka antara guru dan murid melibatkan penerimaan pengajaran oleh murid menerusi pergerakan bibir bacaan guru manakala kaedah tasmik adalah guru mendengar bacaan murid lalu membetulkan kesalahan mereka (Zakaria, M. S. & Abu Samah, N. A., 2022).

Pengkaji menjangkakan bahawa anak-anak didiknya mampu untuk menguasai topik hukum Ikhfa’ Hakiki ini dengan hanya menggunakan dua kaedah sahaja. Namun, tanggapannya meleset sama sekali di mana terdapat beberapa orang murid tidak dapat menguasai bidang tajwid khususnya dalam tajuk hukum Ikhfa’ Hakiki dalam Hukum Nun Sakinah dengan baik. Hal ini kerana dalam kalangan mereka masih berada di tahap Iqra’ dan masih belum pandai membaca al-Quran. Rentetan daripada itu, mula timbul rasa inkuiri dalam diri pengkaji semakin membuak-buak untuk mencari isu, punca dan

solusi bagi mengatasi masalah yang dihadapi tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa perkara ini tidak mustahil berlaku kerana murid-murid kebelakangan ini dikategorikan sebagai *Lost Generation* dalam pembelajaran akibat penularan wabak *Covid-19*.

Setelah pengkaji menganalisis daripada dapatan awal kajian melalui pengumpulan data ujian diagnostik dan ujian sumatif bulan Julai 2023 murid serta temu bual bersama guru pembimbing, fokus utama masalah yang dihadapi ialah isu murid tidak dapat menguasai pengertian, hukum bacaan, bilangan huruf dan contoh bacaan Ikhfa' Hakiki dengan betul. Kedua, isu murid kurang berminat dan bermotivasi terhadap proses PdPc bidang tajwid yang dijalankan. Ketiga, isu amalan pedagogi yang diaplikasikan oleh Guru Pendidikan Islam dalam bidang al-Quran tertumpu kepada penggunaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tradisional iaitu kaedah *talk and chalk*. Justeru, pengkaji mula terpanggil untuk melaksanakan satu kajian berkaitan permasalahan ini dengan mengimplementasikan kaedah pengajaran berorientasikan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) bagi menyelesaikannya.

III. TINJAUAN LITERATUR

Edinin, R. (2011) mentakrifkan kaedah penerangan sebagai kaedah pengajaran yang lebih berpusatkan kepada guru untuk memberi penerangan tentang sesuatu pelajaran atau isi pengajaran secara lisan.


Manakala Zakaria, M. S. & Abu Samah, N. A. (2022) pula menjelaskan bahawa kaedah Talaqqi Musyafahah adalah pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka di dalam satu majlis pada masa tertentu di mana murid menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka. Pengkaji menjangkakan bahawa anak-anak didiknya mampu untuk menguasai topik hukum Ikhfa' Hakiki ini dengan hanya menggunakan dua kaedah sahaja. Namun, tanggapannya meleset sama sekali di mana terdapat beberapa orang murid tidak dapat menguasai bidang tajwid tajuk hukum Ikhfa' Hakiki dalam Hukum Nun Sakinah dengan baik ekoran dalam kalangan mereka masih berada di tahap Iqra' dan masih belum pandai membaca al-Quran.

Rentetan daripada itu, mula timbul rasa inkuiri dalam diri pengkaji semakin membuak-buak untuk mencari isu, punca dan solusi bagi mengatasi masalah yang dihadapi tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa perkara ini tidak mustahil berlaku kerana murid-murid kebelakangan ini dikategorikan sebagai *Lost Generation* dalam pembelajaran akibat penularan wabak *Covid-19*. Dalam isu ini, pihak sekolah tidak melepaskan tanggungjawab dan tidak menutup mata dengan mengambil beberapa inisiatif antaranya ialah melantik murid turus bagi membantu murid yang lemah al-Quran serta satu bimbingan khas dijalankan yang oleh ustaz ataupun ustazah semasa waktu al-Quran dengan perjumpaan tidak lebih tiga masa seminggu.

IV. METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Model yang diimplementasikan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berpandukan Model Penyelidikan Tindakan Kajian Lewin (1946). Model ini memiliki ciri-ciri yang bersesuaian dengan tujuan dan cara pelaksanaan kajian ini. Model ini juga membantu pengkaji merangka satu rancangan yang sistematik dan strategik bermula daripada merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi kajian. Leo, K. C., *et.al.* (2018) menjelaskan bahawa Model Lewin menyarankan supaya satu kitaran kajian perlu terdiri daripada empat fasa iaitu fasa perancangan, fasa tindakan, fasa pemerhatian dan fasa refleksi. Penghasilan suatu kitaran kajian tindakan yang sempurna dipengaruhi oleh keempat-empat fasa ini. Sekiranya kitaran pertama mencapai objektif tercapai seperti dimahukan, maka kitaran kedua tidak perlu dilakukan. Oleh hal demikian, pengkaji hanya menjalankan satu kitaran sahaja kerana kitaran pertama sudah menjawab persoalan kajian yang ditetapkan. Rajah 1 adalah carta proses model kajian tindakan oleh Lewin (1946):



Rajah 1: Carta Proses Reka Bentuk Model Kajian Tindakan Lewin (1946).

Sampel Kajian

Pengkaji memilih empat orang murid lelaki daripada murid Tahun 3 Inovasi sebagai peserta kajian berdasarkan pencapaian markah murid yang lemah dalam ujian diagnostik dan ujian sumatif bulan Julai dan disokong oleh guru pembimbing. Berikut adalah rasional pemilihan peserta kajian yang dibuat seperti Jadual 1:

JADUAL 1: MAKLUMAT PRESTASI PESERTA KAJIAN DALAM BILIK DARJAH.

Nama	Ciri-ciri Peserta Kajian
Murid A	Prestasi Akademik: Lemah Tingkah Laku: Murid yang pemalu dan sangat sukar untuk bercakap di dalam kelas. Suka mendiamkan diri apabila tidak memahami sesuatu pelajaran. Kurang keyakinan diri dan takut menjawab soalan apabila ditanyakan oleh guru.
Murid B	Prestasi Akademik: Lemah Tingkah Laku: Mempunyai daya tumpuan yang singkat. Bermain dengan rakan disebelahnya apabila daya tumpuan terhadap pelajaran sudah tiada. Mudah terpengaruh

	dengan ajakan rakan untuk bermain walaupun sesi PdP baharu sahaja dilaksanakan.
Murid C	Prestasi Akademik: Lemah Tingkah Laku: Murid yang aktif di dalam bilik darjah dan rajin untuk bertanya. Namun, soalan yang diajukan kebanyakannya lari daripada topik pengajaran guru. Aktif di dalam bilik darjah dengan cara suka bercakap dengan rakan yang berada di sebelahnya.
Murid D	Prestasi Akademik: Lemah Tingkah Laku: Murid yang pendiam dan sentiasa memberikan tumpuan ketika sesi PdP. Namun, sukar memahami pelajaran dan malu bertanya apabila tidak faham akan pelajaran.

Kaedah Dan Instrumen Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data berbentuk kualitatif demi menghasilkan sebuah asas analisis dan refleksi yang kompleks dan menyeluruh. Beberapa instrumen telah digunakan dalam proses pengumpulan data bagi kajian ini seperti analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Pengumpulan data semestinya perlu dijalankan mengikut proses dan prosedur yang betul, kaedah yang sesuai serta menerapkan instrumen yang tepat (Arumugham, K. S., 2019). Kaedah pengumpulan dan teknik penganalisan yang digunakan oleh pengkaji dinyatakan seperti Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2: KAEDAH PENGUMPULAN DATA DAN TEKNIK PENGANALISISAN DATA.

Kaedah Pengumpulan Data	Instrumen Pengumpulan Data	Teknik Penganalisan Data
Analisis Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> Ujian Bertulis Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan Ujian Lisan Sebelum dan Ujian Lisan Selepas Tindakan 	Analisis Kandungan dan Pola
Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> Catatan Nota Lapangan Rakaman Video / Gambar / Foto Borang Senarai Semak 	Analisis Kandungan
Temu bual	<ul style="list-style-type: none"> Transkrip temu bual 	Analisis Kandungan

Jadual 3: Rumusan Proses Pelaksanaan Tindakan oleh Pengkaji.

KITARAN PERTAMA			
Tindakan	Sesi	Butiran Tindakan	Catatan
4-9.9.2023 (Minggu 1) Fasa Perancangan	Pertama	Pemilihan Peserta Kajian 1. Perbincangan, penghantaran surat ke sekolah	- Temu Bual - Analisis Dokumen
		2. Pengumpulan data awal pencapaian murid 3. Pemilihan peserta kajian 4. Penyediaan instrumen kajian, ujian diagnostik, ujian bertulis dan ujian lisan sebelum tindakan	- Pemerhatian
11-15.9.2023 (Minggu 2) Fasa Tindakan	Kedua	PdP Tradisional 1. Pelaksanaan PdP tradisional menggunakan buku teks dan slaid 2. Proses mengimbas kembali topik yang dipelajari sebelum penggunaan bahan inovasi	- Analisis Dokumen - Pemerhatian
		3. Pelaksanaan ujian bertulis dan ujian sebelum tindakan	
18-22.9.2023 (Minggu 3) Fasa Pemerhatian	Keempat	Penggunaan Bahan "Easy Ikhfi Trivia" 1. Pengaplikasian kaedah PAK-21 dalam PdP bercirikan permainan dan kolaboratif 2. Penggunaan bahan inovasi "Easy Ikhfi Trivia" terhadap peserta kajian	- Temu Bual - Pemerhatian
		Rawatan Penambahbaikan Inovasi 1. Penggunaan "Easy Ikhfi Trivia" ditambah baik dengan unsur nyanyian, <i>reward chart</i> dan kuiz pengukuhan (interaktif) 2. Penggunaan bahan inovasi kali kedua sebagai uji lari terakhir	- Temu Bual - Pemerhatian
25-29.9.2023 (Minggu 4) Fasa Refleksi	Kelima	Ujian Bertulis & Ujian Lisan Selepas Tindakan 1. Pelaksanaan ujian bertulis bagi melihat pemahaman murid terhadap topik 2. Pelaksanaan ujian lisan bagi melihat penguasaan murid terhadap topik	- Temu Bual - Analisis - Dokumen Pemerhatian

V. DAPATAN

Dapatan kajian berdasarkan hasil analisis dipamerkan melalui bukti-bukti yang sahih seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Soalan Kajian dan Instrumen Pengumpulan Data.

Soalan Kajian	Cara Menganalisis Data	Instrumen Pengumpulan Data
Soalan 1: Adakah murid dapat menguasai hukum Ikhfa' Hakiki menggunakan "Easy Ikhfi Trivia" dengan mudah?	Analisis Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> Ujian Bertulis Sebelum dan Selepas Tindakan Ujian Lisan Sebelum dan Selepas Tindakan

	Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> Catatan Nota Lapangan Gambar / Foto
Soalan 2: Adakah tahap minat murid meningkat terhadap pembelajaran hukum Ikhfa' Hakiki menggunakan "Easy Ikhfi Trivia"?	Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> Borang Senarai Semak Catatan Nota Lapangan Rakaman Video
Soalan 3: Adakah penggunaan "Easy Ikhfi Trivia" dapat meningkatkan amalan pedagogi PAK-21 Guru Pendidikan Islam bagi PdPc bidang tajwid?	Temu bual	<ul style="list-style-type: none"> Transkrip temu bual bersama guru Transkrip temu bual bersama guru

Soalan Kajian 1


Adakah murid dapat menguasai hukum Ikhfa' Hakiki menggunakan "Easy Ikhfi Trivia" dengan mudah?

- Analisis Dokumen (Ujian Bertulis Sebelum dan Selepas Tindakan)

Jadual 5:Markah Peserta Kajian berdasarkan Ujian Bertulis Sebelum dan Selepas Tindakan.

Peserta Kajian	Ujian Lisan Sebelum Tindakan		Ujian Lisan Selepas Tindakan		Peningkatan Peratusan (%)
	Tahap Keupayaan Membaca	Peratusan Pencapaian (%)	Tahap Keupayaan Membaca	Peratusan Pencapaian (%)	
Murid A	1	20	5	100	80
Murid B	1	20	4	80	60
Murid C	1	20	5	100	80
Murid D	1	20	4	80	60

Berdasarkan Jadual 5, analisis ujian bertulis sebelum tindakan memaparkan semua peserta kajian masih berada pada tahap yang lemah. Seusai ujian selepas tindakan dilaksanakan, statistik keputusan ujian tersebut amat positif dan memberangsangkan dengan mempamerkan peningkatan yang baik. Murid A, Murid B dan Murid D telah berjaya memperoleh skor markah 14/16 merujuk kepada tujuh jawapan betul daripada lapan soalan iaitu peratusan mereka ialah 88%. Manakala Murid C menunjukkan prestasi yang menakjubkan apabila telah mendapat peratusan sebanyak 100% kerana telah berjaya menjawab semua dengan soalan betul. Peningkatan peratusan Murid A dan Murid C telah berjaya meningkat sebanyak 63% dan 62% manakala Murid B dan Murid D telah berjaya meningkatkan peratusan markah mereka sebanyak 75% hasil daripada keputusan akhir ujian selepas tindakan. Secara holistiknya, kesemua peserta menunjukkan peningkatan tahap kognitif yang memberangsangkan setelah pelaksanaan proses tindakan dilangsungkan.



Rajah 2: Rumusan analisis pencapaian skor ujian & peratusan peserta kajian.

Berdasarkan Rajah 2 di atas, hasil daripada analisis ini, kesemua peserta kajian berjaya memperoleh gred A iaitu gred cemerlang melebihi 85% dan ini memberikan gambaran peningkatan yang positif dan baik setelah sesi tindakan dilaksanakan.


- Analisis Dokumen (Ujian Lisan Sebelum & Selepas Tindakan)

Terdapat lima tahap keupayaan bacaan yang diukur telah ditetapkan oleh pengkaji di dalam skala atau petunjuk ini iaitu sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Skala 1 hingga 5 markah diberikan sebagai penanda aras tahap bacaan peserta kajian.

JADUAL 6: PANDUAN PENGUKURAN TAHAP BACAAN PESERTA KAJIAN.

Tahap Keupayaan Membaca	Keterangan
Tahap 1	Sangat Lemah Hampir semua kalimah yang dibaca dengan salah.
Tahap 2	Lemah Banyak kesalahan hingga mengganggu bacaan.
Tahap 3	Sederhana Kadangkala berlaku kesalahan dan mengganggu bacaan.
Tahap 4	Baik Kesalahan yang dilakukan tidak mengganggu bacaan.
Tahap 5	Sangat Baik Semua kalimah dibaca dengan betul mengikut tanda baris iaitu nun mati, tanwin baris atas, bawah dan depan.


Jadual 7 di atas menunjukkan rumusan markah pencapaian peserta kajian bagi Ujian Lisan Sebelum Tindakan dan Ujian Lisan Selepas Tindakan. Murid B dan Murid D mempamerkan peningkatan peratusan sebanyak 60% daripada tahap keupayaan membaca sangat lemah kepada tahap keupayaan membaca yang baik. Manakala Murid A dan Murid C menunjukkan prestasi positif iaitu peningkatan peratusan markah tertinggi dengan masing-masing sebanyak 80%.



Rajah 3: Graf markah Ujian Lisan Sebelum dan Selepas Tindakan peserta kajian.

Hasil daripada Ujian Lisan Sebelum Tindakan, Murid B dan dan C mendapat tahap 1 pada ujian lisan sebelum dengan peratusan 20%, namun selepas menjalani ujian lisan selepas mereka mendapat tahap 4 dengan peratusan 60%. Manakala Murid A dan Murid pula berjaya membaca semua kalimah dengan betul mengikut tanda baris dan cara bacaannya serta memperoleh tahap 5 dengan peratusan 100%. Hal ini menjelaskan bahawa setiap sesi di dalam pelaksanaan tindakan memainkan peranan penting dalam membantu murid memahami dan menguasai hukum Ikhfa' Hakiki.

mengimplementasikan penggunaan bahan "Easy Ikhfi Trivia" sama ada berkesan atau sebaliknya. Rajah 4 atas telah menunjukkan hasil keputusan positif terhadap pencapaian objektif kajian. Keberkesanan penggunaan "Easy Ikhfi Trivia" telah dibuktikan dengan pola peningkatan pemahaman dan penguasaan peserta kajian terhadap hukum Ikhfa' Hakiki berbanding proses PdP tradisional. Setelah berlangsungnya sesi pelaksanaan tindakan menerusi bahan "Easy Ikhfi Trivia", catatan nota lapangan menjelaskan bahawa peserta kajian berjaya mencapai tahap pemahaman dan penguasaan yang dikehendaki bagi topik Ikhfa' Hakiki. Disebabkan tahap prestasi antara kesemua peserta dalam lingkungan sangat lemah dan lemah, jadinya perlu kepada beberapa pusingan permainan "Easy Ikhfi Trivia" dijalankan.



Rajah 5: Sesi kuiz pengukuhan sebelum ujian selepas tindakan dijalankan.

Pemerhatian (Catatan Nota Lapangan)

Nota Lapangan	
<p>Tarikh/Masa 18 September 2023 / 11.30-12.30 pagi</p> <p>Tempat Surau SK Istana</p> <p>Kelas/Jumlah Murid Tahun 3 (inovasi) / 4 orang peserta kajian</p> <p>Aktiviti Situasi Pengkaji menjalankan sesi PdPc hukum Ikhfa' Hakiki menggunakan kaedah penerangan dan soal jawab menerusi "Easy Ikhfi Trivia".</p> <p>Catatan Peristiwa Sebelum memulakan tindakan: - Pengkaji melakukan saringan tentang pemahaman dan penguasaan peserta kajian berkaitan hukum Ikhfa' Hakiki ketika proses PdPc tradisional pada sesi 1.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Murid A hanya mampu menyebut lima daripada 15 huruf Ikhfa' Hakiki sahaja. Murid B hanya berdiri di situ dan menzahirkan reaksi muka simpati kerana takut dimarahi kerana tidak mengingat apa yang dipelajari. Murid C dapat menyatakan pengertian dan hukum bacaan Ikhfa' Hakiki sahaja. Murid D berfikir panjang dan hanya teragak-agak meneka jawapan.
<p>Peserta kajian masih lemah untuk memahami dan menguasai subtopik dalam hukum Ikhfa' Hakiki dengan PdPc Tradisional</p>	<p>Semasa pelaksanaan tindakan: - Pengkaji memperkenalkan bahan "Easy Ikhfi Trivia" buat pertama kalinya.</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua murid memberikan perhatian dan fokus terhadap penerangan pengkaji tentang pengertian, hukum bacaan, bilangan huruf dan contoh bacaan Ikhfa' Hakiki. Murid A dan Murid C terpuak dengan BBM yang dihasilkan. Keduanya dapat memahami dengan mudah konsep permainan "Easy Ikhfi Trivia" bagi mengenal dan mengingat pengertian, hukum bacaan, bilangan huruf dan contoh bacaan Ikhfa' Hakiki. Murid B hanya tersenyum kegemilangan ketika pengkaji mengajar dan melihat rakan-rakan mencuba BBM yang digunakan. Dia dapat memahami dan menguasai hukum Ikhfa' Hakiki setelah dibimbing. Murid D menghampiri pengkaji dan mencuba berinteraksi dengan guru dan rakan-rakan. Dia sudah menyesuaikan diri dengan BBM dan mula menyebut serta melafazkan hukum Ikhfa' Hakiki.
<p>Perkembangan dan prestasi murid terhadap pemahaman dan penguasaan hukum Ikhfa' Hakiki semakin meningkat semasa menggunakan "Easy Ikhfi Trivia" sebagai BBM</p>	<p>Catatan Penting: - Murid A dan C menunjukkan perkembangan positif dengan 3 kali pusingan permainan "Easy Ikhfi Trivia" untuk memahami dan menguasai hukum Ikhfa' Hakiki. - Murid B memerlukan bimbingan guru di samping memerlukan 5 kali pusingan permainan "Easy Ikhfi Trivia" untuk dirinya mengenal dan mengingat pengertian dan jumlah-jumlah huruf Ikhfa' Hakiki. - Murid D memerlukan bimbingan rakan-rakan sebanyak 4 kali pusingan permainan "Easy Ikhfi Trivia" Easy Ikhfi untuk menyebut dan melafazkan hukum dan contoh bacaan Ikhfa' Hakiki.</p>
<p>Tahap pemahaman dan penguasaan peserta kajian tentang hukum Ikhfa' Hakiki dipengaruhi dengan jumlah pusingan permainan "Easy Ikhfi Trivia" dan bimbingan</p>	<p>Amalan pedagogi pengkaji dapat diperbaiki melalui pembinaan "Easy Ikhfi Trivia" sebagai bahan bantu mengajar yang membantu meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan tentang topik Ikhfa' Hakiki berbanding dengan kaedah PdPc secara tradisional.</p>
<p>Refleksi</p>	

Rajah 4

Bagi menjawab soalan kajian pertama, pengkaji turut menggunakan instrumen catatan nota lapangan untuk menilai situasi pelaksanaan tindakan dengan

Selain itu, pengkaji juga telah memberikan kuiz pengukuhan berbentuk multimedia sebanyak 10 soalan kepada peserta kajian untuk melihat dengan lebih mendalam berkaitan pemahaman dan penguasaan terhadap topik Ikhfa' Hakiki sebelum ujian selepas tindakan dilaksanakan. Berdasarkan Rajah 5, peserta perlu menjawab kuiz tersebut secara individu tanpa dibantu oleh rakan dan mereka dikehendaki melakukannya berdasarkan ingatan sendiri sahaja. Melalui pemerhatian yang dilakukan, situasi demikian memberi input kepada pengkaji bahawa murid menunjukkan sikap jujur, berusaha dan tidak berputus asa dalam pelajaran. Hasil mendapati bahawa kesemua peserta kajian berjaya menjawab soalan kuiz pengukuhan tersebut dengan semua betul.

Soalan Kajian 2:

Adakah tahap minat murid meningkat terhadap pembelajaran hukum Ikhfa' Hakiki menggunakan "Easy Ikhfi Trivia"?

Pengkaji telah menggunakan dua instrumen kajian bagi merungkai persoalan kedua ini iaitu melalui pemerhatian senarai semak dan catatan nota lapangan.

■ **Pemerhatian (Senarai Semak)**

Penyediaan senarai semak dalam instrumen pemerhatian adalah bertujuan untuk memastikan persoalan kajian kedua dapat dijawab berkaitan penggunaan “*Easy Ikhfi Trivia*” mampu meningkatkan tahap minat murid terhadap pembelajaran hukum Ikhfa’ Hakiki dalam hukum Nun Sakinah. Pemerhatian dilaksanakan secara dua kali iaitu pada sesi sebelum dan selepas tindakan terhadap perilaku peserta kajian terhadap minat dan motivasi belajar mereka.

JADUAL 8: SENARAI SEMAK PEMERHATAN PERILAKU MURID SEBELUM DAN SELEPAS TINDAKAN.

Aspek Pemerhatian (Sebelum)	Peserta Kajian								
	Murid A		Murid B		Murid C		Murid D		
	SB	SL	SB	SL	SB	SL	SB	SL	
Murid senyap ketika sesi PdP	X	/	/	/	/	X	/	/	/
Murid mengganggu rakan di sebelah semasa sesi PdP	/	X	X	X	/	X	/	X	X
Murid memberikan tumpuan sewaktu PdP berlangsung	X	/	X	/	X	/	X	/	/
Murid memberikan respon yang positif kepada guru ketika pengajaran dilaksanakan	/	/	/	/	X	/	X	/	/
Murid menunjukkan minat untuk belajar topik Ikhfa’ Hakiki	X	/	X	/	/	/	X	/	/
Murid melibatkan diri secara aktif dalam sesi PdP	X	/	X	/	X	/	X	/	/

Berdasarkan Jadual 8 di atas, bagi aspek satu pemerhatian sebelum fasa tindakan dijalankan, hanya dua daripada empat peserta bising ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setelah selesai sesi tindakan, perkembangan positif dicatatkan apabila keempat-empat peserta kajian berada dalam keadaan senyap dan mendengar penyampaian guru di dalam bilik darjah. Bagi aspek kedua, tiga daripada empat peserta kajian mengganggu rakan-rakan di sebelah guru sedang mengajar. Akan tetapi, keempat-empat peserta kajian mula memberikan kerjasama dengan patuh pada arahan guru dan tidak mengganggu rakan yang lain sewaktu sesi PdP selepas sesi tindakan dilakukan. Bagi aspek ketiga pula, kesemua peserta kajian tidak memberikan tumpuan dan fokus ketika sesi pengajaran guru.

Seusai sesi tindakan, kesemua peserta dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap apa yang disampaikan oleh guru. Seterusnya, Hanya dua daripada empat peserta kajian berinteraksi dua hala bersama guru dan memberi respon positif pada aspek keempat. Namun, keempat-empat peserta kajian mula berkomunikasi dengan guru dan memberi maklum balas terhadap topik yang diajarkan selepas sesi tindakan diterapkan. Kemudian, bagi aspek kelima, hanya seorang daripada peserta kajian yang menunjukkan minat untuk mempelajari topik hukum Ikhfa’ Hakiki. Setelah itu, kesemua peserta kajian mula menonjolkan minat yang tinggi terhadap pembelajaran topik hukum Ikhfa’ Hakiki. Pada aspek terakhir iaitu aspek keenam, sebelum sesi tindakan, hanya satu daripada empat peserta yang melibatkan diri secara aktif di dalam pembelajaran. Sementelahan itu, keempat-empat peserta kajian sangat aktif dan melibatkan diri dalam sesi PdP.

■ **Pemerhatian (Nota Lapangan)**

Tarikh/Masa 25 September 2023 / 11.30-12.30 pagi
Tempat Bilik Mesyuarat
Kelas/Jumlah Murid Tahun 3 Inovasi / 4 orang peserta kajian
Aktiviti Situasi Pengkaji menjalankan sesi PdPc hukum Ikhfa’ Hakiki menggunakan kaedah permainan menerusi “*Easy Ikhfi Trivia*”
Catatan Peristiwa - Pengkaji melakukan pemerhatian terhadap minat peserta kajian terhadap hukum Ikhfa’ Hakiki ketika proses PdP tradisional pada sesi 1.

- Murid A mengganggu rakan ketika guru mengajar.
- Murid B tidak fokus terhadap penerangan guru berkaitan hukum Ikhfa’ Hakiki.
- Murid C bermain alat tulisnya ketika guru sedang bercakap.
- Murid D berhusnainasi dan termenung pada papan putih.

Peserta kajian langsung tidak memberikan respon dan minat terhadap pengajaran secara tradisional Chalk and Talk

Peserta kajian secara spontan menzahirkan perasaan seronok dan bersemangat pada permulaan sesi PdPc

Peserta kajian mengampakan ketertarikan dan keseronokan melalui reaksi percakapan dan perubahan semasa menggunakan “*Easy Ikhfi Trivia*”.

Refleksi

Nota Lapangan
 25 September 2023 / 11.30-12.30 pagi
 Bilik Mesyuarat
 Tahun 3 Inovasi / 4 orang peserta kajian
 Pengkaji menjalankan sesi PdPc hukum Ikhfa’ Hakiki menggunakan kaedah permainan menerusi “*Easy Ikhfi Trivia*”

Permulaan pelaksanaan tindakan:

- Pengkaji memperkenalkan bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” buat pertama kalinya.
- Semua murid menunjukkan minat untuk belajar apabila pengkaji mengeluarkan bahan “*Easy Ikhfi Trivia*”.
- Murid A dan Murid C yang pada awalnya bermain dan mengganggu rakan yang lain mengekspresikan ketertarikan dengan menghampiri diri guru untuk terus mencubanya.
- Murid B melihat bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” dengan raut wajah yang seronok dan gembira apabila dapat belajar sambil bermain bersama rakan.
- Murid D menyuruh rakan yang lain untuk duduk di posisi masing-masing kerana tidak sabar untuk menggunakan “*Easy Ikhfi Trivia*”.

Semasa pelaksanaan tindakan:

- Murid A menyatakan secara lisan “*Wahhh! Tak sangka mek orang dapat belajar Ikhfa’ Hakiki macam main Jutaria*”.
- Murid B menunjukkan kesungguhan menyebut semua tulisan yang mengandungi terbit huruf-huruf Ikhfa’ Hakiki yang tertera pada papan “*Easy Ikhfi Trivia*”.
- Murid C bersemangat memulakan permainan “*Easy Ikhfi Trivia*” terlebih dahulu dan mencari contoh bacaan nun mati bertemu huruf Jim.
- Murid D merespon “*Uish! Dapat cari padanan contoh bacaan Ikhfa’ Hakiki yang betul dapat duit (ganjaran) lah*”.

Amanah pedagogy pengkaji dapat diperbaiki melalui pembinaan “*Easy Ikhfi Trivia*” sebagai bahan bantu mengajar yang membantu meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran topik Ikhfa’ Hakiki berbanding dengan kaedah secara tradisional.

Rajah 6: Catatan Nota Lapangan 2 (Pelaksanaan Tindakan 1)

Berdasarkan Rajah 6, bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” jelas membuktikan bahawa minat dan motivasi murid dapat dipupuk dan ditingkatkan melalui kaedah permainan, khususnya kepada peserta kajian untuk memahami dan menguasai hukum Ikhfa’ Hakiki dengan baik. Hal ini dapat dilihat apabila peserta menonjolkan perasaan teruja dan bersemangat untuk mempelajari topik tajwid ini menggunakan bahan inovasi. Respon yang memberangsangkan dan positif yang ditunjukkan oleh kesemua peserta adalah secara spontan dan bukanlah suatu perkara yang dibuat-buat. Tindak balas secara terus peserta adalah tindakan luar jangkaan pengkaji sendiri kerana dalam kalangan murid yang pendiam dan aktif, mereka dapat bersama-sama fokus dan memberikan tumpuan terhadap topik yang diajarkan.

■ **Pemerhatian (Rakaman Video)**



Rajah 7: Reaksi Peserta Kajian sewaktu menggunakan “*Easy Ikhfi Trivia*”.

Rajah 7 memaparkan reaksi dan respon peserta kajian terhadap penggunaan bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” berpusatkan murid melalui pemerhatian rakaman video. Semasa sesi PdPc berlangsung, reaksi muka peserta kajian tersenyum riang dan bergelak tawa membuktikan bahawa bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” ini membuatkan murid asyik belajar sambil bermain. Hal ini disokong oleh M. Mydin A., et. al, (2021) bahawa aktiviti permainan secara interaktif dapat dinyatakan sebagai alat baharu dalam pembelajaran aktif untuk meningkatkan penglibatan dan minat murid, sejajar dengan tumpuan utamanya untuk meningkatkan pengekalan pengetahuan murid.

Soalan Kajian 3:

Adakah penggunaan “Easy Ikhfi Trivia” dapat meningkatkan amalan pedagogi PAK-21 dalam kalangan Guru Pendidikan Islam bagi PdPc bidang tajwid?

▪ **Temu Bual (Transkrip Perbualan Bersama Peserta Kajian)**

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, pengkaji memilih untuk menggunakan instrumen temu bual terhadap guru pembimbing dan peserta kajian.

Pengkaji	: Ustaz ingin bertanya kepada kitak orang berkaitan dengan bahan bantu mengajar yang kitak orang guna tadi. Adakah ianya membantu kitak orang berminat belajar hukum khfah' Hakiki dengan bahan tok?
Murid A	: Kamek suka gilak sebab kamek dapat belajar secara berkumpulan dengan rakan-rakan. Kamek dapat bertanya dengan kawan mun sik tauk, kamek pun boleh bantu kawan sebut juak.
Pengkaji	: Oooo ustaz nanga kitak dah sik ngaco kawan kitak sebelah ya, malah kitak nulong kawan kitak yang lain. Macam ne dengan Murid B dan Murid C?
Murid B	: Hmmm... ustaz sejumnya kamek tok nang pemalu orangnya. Tapi dengan cara permainan macam jutaria tok, buatan hilang rasa malu ya untuk bermain bersama dengan yang lain.
Murid C	: Ustaz! Kamek tok suka dengan warna-warni bahan tok, sebab ya kamek jadi rasa lebih tertarik untuk belajar. Kamek suka roda baris dengan kad contoh bacaan ya sebab nya cantik dan menarik.
Pengkaji	: Ouh macam ya, ustaz pun nanga kitak orang nang excited gilak masa ustaz suruh main dengan bahan tok. Kitak Murid D macam mana?
Murid D	: Kamek sebelum tok keliru juak dengan jenis-jenis huruf dan hukum khfah masa mula-mula dolok, tapi lepas pakai tok, kamek jadi senang ingat semuanya sebab ada lagu <i>Ingat Easy Ikhfi</i> dan semua tentang hukumnya ada dalam papan tok.

Rajah 8: Transkrip Perbualan Bersama Peserta Kajian.

Setelah menganalisis transkrip temu bual di atas, ternyata keempat-empat peserta kajian memberikan respon dan maklum balas yang positif terhadap soalan yang dikemukakan. Hal ini kerana bahan “Easy Ikhfi Trivia” ini mempunyai reka bentuk yang menarik dan unik. Bahkan pengkaji juga telah menambah baik bahan dengan memvariasikan elemen warna pada kad contoh bacaan khfah' Hakiki dan pada papan trivia yang mengandungi jenis-jenis huruf khfah' Hakiki. Penghasilan inovasi yang kompleks mampu membuatkan proses PdPc dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berjalan lancar (S. Hassan S., N., et.al, 2018). Secara tidak langsung memotivasikan minat murid untuk lebih bersemangat belajar selari dengan matlamat PAK-21. Hal ini sememangnya mampu meningkatkan kemahiran pedagogi Guru Pendidikan Islam untuk menghasilkan PdPc bermutu dan berkualiti.

▪ **Temu Bual (Transkrip Perbualan Bersama Guru Pembimbing)**

Guru Pembimbing	: Okay betul dah, setiap minggu, berdasarkan apa yang ustaz tunjukkan, kelas menggunakan benda-benda permainan dalam bilik belajar ni? Pada pendapat ustaz sebenarnya agak mudah untuk mengajar bidang tajwid menggunakan teknik permainan. Tapi ustaz nungga kitak beraya mainkan bahan bantu mengajar yang unik, khususnya nak bagi murid faham dan ikhlas hukum khfah' Hakiki. Majoriti GPI mengajar tajwid menggunakan teknik bacaan kitak guru dan papan putih jak. Sik semua murid dapat mengingat jenis-jenis huruf yang ik ya dengan mudah. Tapi apa yang saya nampak, murid jadi dapat ingat dan mudah faham hukum khfah' tok.
Pengkaji	: Baik ustaz, sebenarnya pada pendapat murid pembelajaran warna dan elemen-elemen lain yang berkesan dalam bahan ini?
Guru Pembimbing	: Berkesan untuk ya? Kitak mencampurkan elemen warna-warni dalam bahan tok. Mun saya jadi murid, saya pun akan berminat untuk belajar, lebih-lah lagi bahan tok berbentuk permainan. Bukan ya jak, game tok jadi lebih seronok sebab kitak masukkan beberapa contoh bacaan yang terdidi daripada mun murid, tarmin baris atas, bawah dan depan. Selalunya GPI berikan contoh yang ada dalam buku teks jak. Tapi nak kiziyad baik tok nang gip.
Pengkaji	: Terima ustaz, saya cuma nak pastikan murid terbiasa dengan contoh-contoh kalmah khfah' Hakiki bila mengajar Al-quran. Kitak ustaz perasan, saya juga sediakan chart reward dan ganjaran dalam bentuk duit (RM) kepada peserta kajian sekiranya mencari pendarian kalmah khfah' Hakiki yang betul.
Guru Pembimbing	: Okay betul, ada saya pernah tadik. Penghargaan seperti yang kitak boleh dengan bagi duit ya sememangnya membantu gilak dalam menggalakkan murid berminat secara ikhlas. Motivasi murid pun beraya ditimbulkan dengan cara macam tok. Bagan-bagan. Saya pun melihat kitak sediakan buku pengukuhan secara interaktif nak kiziyad. Aktiviti pengukuhan amat penting sebelum berakhirnya sesi PdPc. Sekiranya sika aktiviti pengukuhan, murid akan lebih berminat jak lagi disebabkan ada pengukuhan, membuatkan murid lebih semangat jak nang belajar.
Pengkaji	: Ya, betul ustaz, saya bagi kiziyad pengukuhan sebelum berkan soalan selepas tindakan tadi untuk membuatkan mereka pengukuhan terhadap apa yang dipelajari.
Guru Pembimbing	: Sememangnya mun semua GPI macam kitak kiziyad mesaya pembelajaran tajwid mahupun bidang lain dalam Pendidikan Islam menjadi lebih seronok, interaktif dan berkesan. Lebih-lah lagi PAK-21 tok yang lebih perkuhan pedagogi yang berkesan dalam dan murid. Teruskan komitmen dalam meneruskan penciptaan inovasi yang kreatif macam tok supaya amalan pedagogi bagi ustaz. Pendidikan Islam seronok berkesan dan bertambah baik. Ya jikalau daripada saya. Semoga kitak dipermudahkan urusan murahli baka dan bertang vira baka.

Rajah 9: Transkrip Perbualan Bersama Guru Pembimbing.

Hasil daripada perbualan bersama guru pembimbing di atas, pengkaji dapat menganalisis bahawa bahan dan kaedah pengajaran yang diimplementasikan oleh pengkaji mendapat maklum balas dan respon yang baik dan membina.. Gabung jalin aktiviti pengukuhan secara digital di dalam bahan “Easy Ikhfi Trivia” mendapat pujian daripada guru pembimbing. Hal ini dikatakan bahawa aktiviti pengukuhan perlu dititikberatkan oleh guru sebelum tamatnya sesi PdPc bagi memastikan daya kognitif murid terhadap topik yang diajarkan akan kekal dalam ingatan murid (M. Yusoff S., R. & Hanif A., S., 2019). Akhir sekali, beliau menyatakan bahawa bahan seperti “Easy Ikhfi Trivia” yang dihasilkan oleh pengkaji akan menggalakkan lagi pembelajaran aktif murid terhadap bidang tajwid.

VI. PERBINCANGAN

Secara konklusinya, amalan kajian ini memberi impak besar kepada peserta kajian dan pengkaji. Pertama, kajian ini telah membawa keberkesanan yang tinggi terhadap penggunaan bahan inovasi “Easy Ikhfi Trivia” dalam membantu peserta kajian menguasai hukum khfah' Hakiki. Hal ini dibuktikan daripada pencapaian yang memberangsangkan apabila semua peserta kajian memperoleh keputusan markah melebihi peratusan 88% dan ke atas pada ujian bertulis selepas tindakan. Manakala keputusan markah ujian lisan selepas tindakan semua peserta kajian berjaya mencapai peratusan markah melebihi 80% dan ke atas. Faktor peningkatan kedua-dua ujian adalah disebabkan kombinasi pelbagai kaedah dalam bahan inovasi seperti kaedah permainan, nyanyian, ganjaran dan aktiviti pengukuhan. Penggunaan bahan inovasi yang kreatif amat penting dan perlu diterapkan bagi meningkatkan kefahaman dan juga penguasaan murid dalam hukum tajwid (Jaafar, H. H. & M. Said, M. H., 2019).

Selain itu, implikasi kajian ini terhadap peserta kajian ialah berjaya membawa perubahan minat dan motivasi murid terhadap proses PdPc yang dijalankan. Hal ini kerana penciptaan bahan inovasi “Easy Ikhfi Trivia” berbentuk maujud oleh pengkaji meliputi visual warna, auditori lagu dan kinestetik pergerakan dalam proses pembelajaran bagi merangsang tingkah laku positif murid selari dengan hasrat PAK-21. Bahan inovasi yang dicipta berkonsepkan elemen 4C (kemahiran komunikasi, kolaboratif, kritis dan kreatif) dalam PAK-21 mempengaruhi pembelajaran aktif untuk meningkatkan penglibatan dan minat murid. (A. Aziz, N. A. & Jaafar, N., 2018). Secara tidak langsung bahan ini mampu menarik tumpuan murid sepenuhnya terhadap sesi PdPc disebabkan bahan inovasi yang menarik dan menyeronokkan.

Di samping itu, pengkaji dapat menyuntik semangat untuk lebih berkarya dalam penghasilan bahan bantu mengajar yang bermutu dan berkualiti sebagai penyelidik. Melalui kajian ini, pengkaji berhasil meningkatkan kemahiran dalam membina inovasi untuk membantu murid lemah mencapai tahap prestasi cemerlang. Perkara ini akan menggalakkan lagi pengkaji untuk mempergiatkan kajian dengan lebih meluas

terhadap bidang tajwid yang lain pada masa mendatang. Hal ini bertepatan dengan pendapat Zaidi, F. S. (2021) yang mana inovasi ialah proses pembaharuan atau penambahbaikan yang bersesuaian dari semasa ke semasa mengikut keperluan penggunaanya.

Akhir sekali, pengkaji turut akan sentiasa menambah baik proses PdPc di dalam bilik darjah sebagai seorang guru. Guru seharusnya meningkatkan nilai tambah dalam kemahiran pedagogi PdPc selari dengan kepesatan teknologi supaya murid tidak cepat bosan dan tidak fokus pada pengajaran yang disampaikan. Oleh hal yang demikian, guru perlu memvariasikan kaedah pengajaran berpaksikan pedagogi terkini dalam PAK-21 agar persekitaran pembelajaran menjadi menarik dan berkesan. Hal ini disokong oleh Wong, K. W., *et al.* (2018) bahawa penambahbaikan dalam sesi pengajaran perlu seiringan dengan perkembangan pemahaman murid-murid agar profesionalisme keguruan dalam pendidikan dapat ditingkatkan.

VII. KESIMPULAN

Cadangan tindakan susulan terhadap bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” yang dihasilkan adalah dengan melestarikan secara meluas dalam dunia pendidikan sebagai suatu bantuan kepada murid untuk belajar tanpa bantuan guru kepada Guru Pendidikan Islam. Kedua, bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” yang digunakan untuk topik hukum Ikhfa’ Hakiki akan turut diaplikasikan terhadap hukum tajwid yang lain seperti hukum Izhar Halqi, Idgham Maal Ghunnah, Idgham Bila Ghunnah, Iqlab dalam hukum Nun Sakinah mahu pun hukum Mim Sakinah dan sebagainya. Hal ini kerana bahan inovasi ini bersifat universal dan sesuai untuk semua topik dalam bidang tajwid bahkan boleh diimplementasikan dalam bidang-bidang yang lain dalam subjek Pendidikan Islam. Akhir sekali, bahan “*Easy Ikhfi Trivia*” ini dicadangkan agar ditambah baik dan direka khusus dalam bentuk digital selaras dengan perkembangan semasa dan kepesatan teknologi dalam pendidikan. Hal ini kerana generasi milenia kini lebih tertarik untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai medium pembelajaran. Oleh itu, amalan pedagogi PdPc Guru Pendidikan Islam dapat ditingkatkan selari dengan Revolusi Industri 4.0 berfokuskan penggunaan teknologi dalam pendidikan.

RUJUKAN

- A. Aziz, N. A. & Jaafar, N. (2018). Penguasaan Pembelajaran Al-Qur’an Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra’: Kajian Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 2 (2)*, pp 24-36
- Arumugham, K. S. (2019). Kajian Tindakan: Kearah Amalan PdPc Berkesan. *Conference: Seminar Pendidikan Negeri Kedah Darulaman*
- Jaafar, H. H. & M. Said, M. H. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Issue 6, Vol 1, pp 8-17*
- Leo, K. C., Abdullah Z. & Cua L. N. (2018). *Siri Pendidikan Guru: Penyelidikan dalam Pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- M. Mydin, A., Abu Mansor, S. N., Wan Mohammad, W. A., Omar M., Kechil, R. & Saad, S. S. (2021). *InCeS: Pembelajaran Berasaskan Permainan*. Universiti Teknologi MARA
- M. Nawi, M. Z., Mohd Nor M., A., Mohd Rashidi Omar M., R., & Muhamad N. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Turath; Vol. 6, No. 1, 43-55*
- M. Yusoff S., R. & Hanif A., S. (2019). *Inovasi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- S. Hassan S., N., M. Zainuzi N., I., H., Mat Asa S., N., Zamzuri S., N., A., & Zulkarnain A., E. (2022). Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), Volume: 7 Issues, pp. 122 – 132*
- Tahajuddin, S., Mohd Kassim, A. W., Justine, J. & Ibrahim, I. S. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 9, page 35 – 48*
- Wong, K. W., A. Rashid, N., Bong, P. Y. (2018). *Asas Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme Guru (Edisi Kedua)*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Zaidi, F. S. (2021). Penggunaan Aplikasi Idgham Pro dalam membantu Murid Tahun 3 menguasai hukum Idgham Maal Ghunnah dan Bila Ghunnah. *Penyelidikan Tindakan PISMP*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Zakaria, M. S. & Abu Samah, N. A. (2022). *Tajwid Ilmi: Techno Huffaz PSA*. Shah Alam: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah